



TABUNG HAJI
حي على الفلاح

SOALAN LAZIM

Hibah *TH* 2018

SOALAN LAZIM – HIBAH TH 2018

1. Berapakah jumlah Hibah Pendeposit TH 2018?

Pada kadar tahunan 1.25% yang berjumlah RM913 juta.

2. Bagaimana cara pengiraan Hibah Tahunan TH 2018?

Cara pengiraan Hibah adalah berdasarkan purata baki simpanan bulanan terendah tahun 2018 x 1.25%

= (Baki minima Jan-Dis 2018 / jumlah bulan(12)) x 1.25%

3. Mengapa Hibah Pendeposit TH 2018 lebih rendah berbanding tahun lalu?

TH memberi Hibah kepada pendeposit berdasarkan kemampuan kewangan tahun semasa dan tertakluk kepada pematuhan kehendak Akta Tabung Haji 1995 di bawah Seksyen 22 yang mengkehendaki jumlah aset kekal lebih tinggi daripada jumlah liabiliti selepas pengagihan Hibah dibuat.

Bagi tahun 2018, TH hanya mempunyai lebihan aset berbanding liabiliti sebanyak RM1 bilion. Oleh yang demikian, Hibah yang boleh diagihkan bagi tahun 2018 tidak boleh melebihi jumlah ini walaupun TH mencatatkan keuntungan boleh agih yang lebih tinggi.

4. Adakah pendapatan/keuntungan dari pelaburan TH terlalu sedikit sehingga menyebabkan kadar Hibah Tahunan berubah lebih rendah?

Pendapatan tahunan TH hampir sama pada tahun sebelumnya tetapi pada tahun 2018, TH hanya mencatatkan lebihan aset berbanding liabiliti sebanyak RM1.0 bilion. Oleh yang demikian, Hibah yang boleh diagihkan pada tahun 2018 tidak boleh melebihi RM1.0 bilion walaupun keuntungan boleh agih yang lebih tinggi.

5. Jika dibandingkan dengan peratusan Hibah tahun sebelum ini, TH mampu memberikan pulangan Hibah Tahunan yang memuaskan atau seiring dengan institusi perbankan yang lain. Mohon penjelasan berkenaan perkara ini.

TH untuk empat (4) tahun kebelakangan, walaupun dengan kadar Hibah lebih tinggi daripada institusi perbankan, TH telah mengagihkan Hibah yang melanggar Akta Tabung Haji. Ini adalah kerana Hibah masih diagihkan walaupun jumlah aset lebih rendah berbanding jumlah tanggungan yang mana terdiri daripada simpanan pendeposit.

6. Apakah kelebihan kepada pendeposit untuk membuat simpanan di TH selain daripada simpanan ke arah menunaikan haji (terutama bagi pendeposit yang telah menunaikan haji) sekiranya Hibah tahunan yang diberikan sedikit?

- Simpanan dijamin 100% oleh Kerajaan Malaysia
- Simpanan berlandaskan syariah Islam
- Hibah dikecualikan daripada bayaran cukai
- Barakah, pendeposit secara tidak langsung membantu jemaah haji melalui tanggungan kos haji

7. Adakah TH mempunyai sebarang perancangan pada masa akan datang bagi mengelakkan Hibah Tahunan menurun lantas mengembalikan kepercayaan pendeposit untuk membuat simpanan di TH?

- Pelaburan yang lebih berkhemah akan dilaksanakan bagi memastikan pulangan yang mampan dan lebih stabil kepada pendeposit
- Pengurusan risiko yang lebih teguh akan diperkasakan secara efektif untuk mencapai daya tahan yang lebih utuh dan mengelakkan kecenderungan untuk mengambil risiko pelaburan yang keterlaluan pada masa hadapan
- Polisi pelaburan yang mampan dan holistik turut akan diamalkan termasuk pengenalan kepada had henti rugi (*stop loss limit*)

8. Apakah nasihat dan saranan TH kepada pendeposit dalam situasi ini?

- Pendeposit tidak perlu risau kerana semua simpanan di TH adalah selamat dan dijamin 100% oleh Kerajaan
- TH mempunyai aset-aset strategik yang berpotensi tinggi dan pelan strategik yang akan dilaksanakan dalam memastikan rizab di TH dapat dibina semula untuk membolehkan pengagihan Hibah pada masa hadapan
- TH kini diletakan dibawah penyeliaan Bank Negara Malaysia untuk mengukuhkan tahap tadbir urus dan kepercayaan pendeposit terhadap TH

